

**PENGINTEGRASIAN DIDIK HIBUR DALAM MENINGKATKAN
KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS****INTEGRATION OF FUN LEARNING IN ENHANCING READING
SKILLS AMONG SPECIAL REMEDIAL STUDENTS*****Nurhafiza Anuar¹****Nor Hasimah Ismail¹****Mardzelah Makhsin¹****[1] School of Education, Universiti Utara Malaysia****nurhafiza.btpnpls@gmail.com*

Abstract: The best practice in the teaching and learning process in the classroom is one of the key catalysts in improving reading skills among primary school students in Malaysia. Aligned with the Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG2), teachers serve as facilitators in supporting students' learning. Fun learning is a key instructional approach emphasised by the Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) to create an enjoyable and fun learning environment that can attract students' interest and enhance their motivation to participate in lessons actively. In this regard, this study aims to explore the approaches used in teaching reading skills through the integration of fun learning elements implemented by Special Remedial Education teachers and the challenges encountered. This study utilises qualitative approaches, adopting a case study methodology. Four Special Remedial Education teachers in the state of Perlis were involved in this study. Data collection was carried out through semi-structured in-depth interviews. The data were subsequently analysed thematically using ATLAS.ti 8 software. The findings indicate that the integration of fun learning elements significantly contributes to the improvement of reading skills among Special Remedial Education students. The incorporation of fun learning through activities such as games, role play, and singing supports teachers in creating an enjoyable learning atmosphere that can help to increase student motivation and interest in engaging with the reading skills learning process. The challenges faced by teachers in implementing fun learning approaches in the teaching of reading skills can be categorised into three main elements, including student individual factors, time constraints and the limited availability of teaching aids. Despite the challenges encountered in implementing fun learning, teachers are expected to overcome these obstacles, as the findings clearly indicate that fun learning serves as an effective approach in enhancing student reading skills.

Keywords: Fun learning, enjoyable learning, reading skills, special remedial education students, special remedial education teachers.

PENDAHULUAN

Kaedah pengajaran yang menekankan elemen pembelajaran yang menyeronokkan, santai, serta tidak membebankan murid telah diperkenalkan oleh KPM menerusi pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kaedah pengajaran tersebut dikenali sebagai didik hibur. Melvina dan Norazah (2021) menyatakan bahawa didik hibur merupakan satu alternatif yang telah dilaksanakan oleh KPM yang bertujuan untuk menjadikan sesi PdP Bahasa Melayu lebih menyeronokkan untuk diikuti oleh murid. Terdapat empat komponen utama didik hibur yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu iaitu penceritaan, lakonan, nyanyian, serta puisi. Aspek pembelajaran berasaskan permainan dalam pendidikan turut merupakan komponen utama dalam didik hibur meskipun tidak termasuk dalam komponen utama DSKP. Hal ini kerana murid dapat belajar menerusi permainan yang telah dirancang oleh guru.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan manifestasi kerajaan dalam bidang pendidikan yang melibatkan sistem pendidikan bermula daripada tahap pendidikan rendah ke tinggi. Teras utama PPPM adalah mencapai lima tunjang keberhasilan merangkumi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Anjakan pertama dalam PPPM 2013-2025 adalah mewujudkan peluang dan kemudahan pendidikan berkualiti tinggi kepada semua murid di seluruh Malaysia. Shuhaila dan Hafizah (2022) menyatakan bahawa transformasi

pendidikan utama yang dibawa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meliputi kemampuan penerimaan pendidikan yang sama rata terhadap semua murid di Malaysia tanpa mengira latar bangsa dan tempat. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa KPM sangat memandangkan serius isu kesamarataan dalam pendidikan. Semua murid berhak untuk bersekolah serta memperoleh sistem pendidikan yang sama rata dan bersesuaian dengan tahap dan kemampuan diri mereka. Murid diharap mampu menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira, dan manusiawi (4M) supaya tidak berlaku sebarang keciciran dalam pendidikan bagi merealisasikan cita-cita pendidikan negara dan meningkatkan potensi diri murid.

Pengembangan potensi murid dalam subjek bahasa Melayu bermatlamat untuk meningkatkan kemampuan berketerampilan berbahasa yang tinggi serta melahirkan murid yang mahir berkomunikasi. Hal ini selaras dengan Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 yang telah mewartakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan medium perhubungan masyarakat di Malaysia. Kesannya, lahir modal insan berkualiti yang sarat dengan ilmu pengetahuan, mempunyai kemahiran berbahasa yang tinggi, mampu menjalani hidup dengan mengaplikasikan nilai murni yang relevan dengan keperluan semasa, serta bersedia daripada aspek mental dan fizikal untuk berhadapan dengan cabaran abad ke-21 yang telah terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu.

Berdasarkan DSKP Bahasa Melayu, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang sangat diberi penekanan oleh KPM. Matlamat utama kemahiran membaca adalah supaya murid dapat membaca dengan menggunakan pelbagai strategi dan teknik bacaan yang kritis, reflektif, betul, dan tepat. Penguasaan kemahiran membaca membantu murid memperluaskan pengetahuan dan pemikiran, meningkatkan kelancaran bacaan dan mengukuhkan penghayatan terhadap karya sastera dan bukan sastera. Murid diharap mempunyai keupayaan untuk membaca, memahami, dan menggunakan perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan, peribahasa, dan bahasa kiasan dengan betul dan kreatif semasa menulis dan berkomunikasi sepertimana yang telah termaktub di dalam kurikulum pendidikan bahasa Melayu sekolah rendah.

Kurikulum pendidikan bahasa Melayu sekolah rendah memberi fokus terhadap penguasaan kemahiran membaca. Penguasaan kemahiran membaca sangat penting dalam proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan memahami proses pembelajaran. Fenomena kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid tidak mampu untuk mengikuti proses PdP di dalam kelas dan seterusnya akan mengalami keciciran dalam pendidikan.

Keciciran pendidikan merujuk kepada ketinggalan dalam pendidikan, kegagalan untuk mendapatkan pembelajaran yang selayaknya, serta ketidakupayaan menguasai kemahiran dalam pendidikan. Keciciran pendidikan merupakan isu terkini yang hangat diperkatakan di semua medium komunikasi dan menjadi isu utama dalam bidang pendidikan. Laporan Bank Dunia pada tahun 2024 melaporkan bahawa 58% murid di Malaysia mahir membaca sewaktu berada di tahun lima berbanding dengan negara-negara serantau yang lain.

Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka bagaimana elemen didik hibur yang dilaksanakan oleh guru Pemulihan Khas mampu untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca murid di samping mengenal pasti cabaran yang ditempuh sepanjang pelaksanaan didik hibur semasa proses PdP.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneroka amalan pengajaran guru Pemulihan Khas dengan menggunakan didik hibur dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid.
2. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh guru Pemulihan Khas menerusi pelaksanaan didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah amalan pengajaran didik hibur yang dilaksanakan oleh guru Pemulihan Khas dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Pemulihan Khas dalam melaksanakan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca?

PERNYATAAN MASALAH

Guru tidak menggunakan kaedah pengajaran kemahiran membaca yang bersesuaian dengan aras murid Pemulihan Khas. Berdasarkan kajian Rathaneswaary dan Ruhizan (2022), masih terdapat guru yang mengajar tidak berdasarkan kepada keupayaan murid, menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti PdP kemahiran membaca dengan berkesan.

Pemilihan kaedah mengajar kemahiran membaca yang bersesuaian dengan aras murid Pemulihan Khas sangat penting dalam mencapai objektif kemahiran membaca yang telah ditetapkan. Kriteria pemilihan kaedah pengajaran kemahiran membaca mampu mempengaruhi kebolehan dan kesungguhan murid Pemulihan Khas dalam proses pembelajaran di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Proses pembelajaran bermakna dapat berjalan dengan menarik dan efektif serta membantu meningkatkan penguasaan dan kefahaman murid.

Kajian yang dilaksanakan oleh Norlela dan Shamsudin (2020) serta Hazrati et al. (2021) menunjukkan bahawa terdapat segelintir guru yang masih menggunakan teknik pengajaran konvensional yang berpusatkan kepada guru dan bahan bantu mengajar yang terdiri daripada modul membaca dan kad bacaan. Guru seharusnya melengkapkan diri dengan kaedah pedagogi Pengajaran Abad ke-21 serta mengintegrasikan elemen inovasi dalam penghasilan bahan bantu mengajar, bersesuaian dengan peredaran zaman dan teknologi.

Kajian Peng dan Haris (2019) mendapati bahawa 80% daripada peserta kajian yang terdiri daripada guru yang masih lagi menggunakan kaedah tradisional semasa proses PdP. Hal ini sangat membimbangkan kerana pembelajaran hanya berlaku secara sehalu dan murid Pemulihan Khas hanya menerima sahaja pengajaran yang disampaikan oleh guru. Murid Pemulihan Khas menjadi pelajar pasif dan hanya melaksanakan aktiviti berdasarkan arahan guru.

Selain daripada itu, Loy (2022) menyatakan bahawa guru perlulah menjadikan proses PdP kemahiran membaca sebagai proses yang menyeronokkan, memudahkan, serta dapat memberi makna yang mendalam kepada murid. Pembelajaran yang menyeronokkan sangat penting kepada murid Pemulihan Khas yang memiliki kesediaan belajar yang rendah (Norlela & Shamsudin, 2020). Kajian yang dilaksanakan oleh Siti Rohana Salleh (2021) mendapati bahawa elemen didik hibur melalui aktiviti nyanyian dapat membantu murid prasekolah daripada aspek psikologi, emosi, dan sosial, serta membantu guru meningkatkan kesediaan belajar murid. Namun demikian, kajian hanya berfokus kepada murid prasekolah sahaja.

Oleh sebab itu, wujud keperluan untuk mengkaji bagaimanakah elemen didik hibur yang telah diaplikasikan oleh guru Pemulihan Khas dalam melaksanakan kaedah pengajaran kemahiran membaca yang paling berkesan terhadap murid Pemulihan Khas yang bertujuan untuk mengatasi masalah yang timbul serta mengurangkan kadar keciciran negara.

SOROTAN LITERATUR

Program Pemulihan Khas

Program Pemulihan dilaksanakan oleh KPM pada 1960-an bagi mengatasi masalah murid dalam penguasaan kemahiran asas 3M yang kompleks (Nurhafidah & Nur Farakhanna, 2023). Program Pemulihan Khas dilaksanakan oleh guru khusus yang telah diberikan bimbingan secara terperinci dan mendalam berkaitan dengan Program Pemulihan Khas oleh KPM. Bilik khusus telah diwujudkan di semua sekolah rendah di Malaysia bagi melaksanakan proses PdP Pemulihan Khas.

Berdasarkan amanat Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 2019, KPM telah memperkenalkan tiga hala tuju utama dalam sektor pendidikan yang merupakan garapan utama dalam mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Wawasan 2020. Tiga nilai utama yang digarapkan ialah cinta atau kasih sayang, kegembiraan dan kebahagiaan, dan saling menghormati yang terangkai dalam elemen manusiawi. Bagi menyahut aspirasi tersebut, KPM telah menambahkan satu lagi elemen M dalam penguasaan 3M yang meliputi Membaca, Menulis, Mendengar dan Bertutur, serta Manusiawi (4M).

Program Pemulihan Khas bertujuan meningkatkan keyakinan diri murid Pemulihan Khas dan memupuk kesediaan belajar yang tinggi dalam kalangan murid. Murid perlu diberikan motivasi serta sokongan bagi meningkatkan semula keyakinan diri, sekali gus dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid dan mengurangkan kadar keciciran pendidikan (Reza & Aznan, 2022).

Masalah keciciran dan fenomena kegagalan penguasaan kemahiran membaca merupakan masalah utama yang perlu diberi perhatian di peringkat awal persekolahan, terutamanya semasa di tahun satu lagi. Langkah ini penting untuk memastikan agar murid dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih lancar dan mengelakkan keciciran dalam proses pembelajaran.

Sekiranya murid yang lambat dalam pembelajaran tidak diberikan tindakan yang sewajarnya, murid akan terus tercicir dan ketinggalan dalam pelajaran. Sekiranya Pendidikan Pemulihan tidak dilaksanakan, dikhawatirkan akan menyebabkan murid terus tercicir di dalam pendidikan dan guru tidak mampu menggilap potensi murid. Keperluan murid berprestasi rendah dapat dikenal pasti dan dipenuhi melalui pelaksanaan program pemulihan. Murid bermasalah dalam pembelajaran berupaya menjalani proses pendidikan bersesuaian dengan tahap dan kemampuan murid.

Roslan Chin dan Nurahimah (2017) mentafsirkan murid Pemulihan Khas sebagai murid yang berhadapan dengan masalah penguasaan kemahiran membaca, menulis, dan mengira yang tidak dipengaruhi faktor persekitaran dan kognitif. Tingkah laku murid Pemulihan Khas jelas dapat dilihat daripada aspek emosi, tingkah laku, sosial, kesediaan belajar, kesihatan, dan pengamatan.

Murid Pemulihan Khas didefinisikan sebagai murid yang memiliki prestasi yang rendah dalam akademik serta masih belum mampu menguasai kemahiran asas 3M kerana ketidakmampuan mereka untuk memahami pengetahuan yang disampaikan berbanding dengan murid sekelas yang lain. (Reza & Aznan, 2022)

Menurut PPPM 2012-2025, terdapat seramai 27,093 (0.94%) daripada 2.86 juta murid sekolah rendah masih tidak mahir membaca. Laporan Tahunan PPPM 2016 yang merangkumi tempoh 2013-2025 mendapati 2% murid berisiko mengalami keciciran.

Kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca Kepada Murid Pemulihan Khas

Berdasarkan kepada pembacaan terhadap kajian lepas, pengkaji mendapati terdapat beberapa langkah untuk mengatasi masalah penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa guru merupakan pemacu utama dalam mengatasi masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas. Keberkesanan tindakan guru pemulihan mampu melonjakkan prestasi dan penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas dengan lebih efektif.

Berdasarkan kajian Norleena et al. (2021), guru perlu memberi bimbingan secara berfokus dan berterusan kepada murid Pemulihan Khas. Guru perlu melaksanakan kaedah dan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid. Guru perlu mengubah cara pengajaran berpusatkan guru dan konvensional kepada cara pengajaran yang berpusatkan murid dan terarah kepada pembelajaran abad ke-21. Guru Pemulihan Khas berfungsi sebagai pemudah cara di dalam kelas yang bertindak memberi bimbingan, dorongan, dan memantau aktiviti pembelajaran murid Pemulihan Khas di dalam kelas.

Guru perlulah memahami dan menguasai kaedah pengajaran kemahiran membaca dengan betul ketika mengajar kemahiran membaca. Berdasarkan kajian Rathaneswary dan Ruhizan (2022), terdapat segelintir guru yang masih belum menguasai kaedah pengajaran kemahiran membaca dengan betul. Guru tidak mengetahui apakah kaedah pengajaran, aktiviti pembelajaran, dan bahan bantu mengajar yang perlu diaplikasikan di dalam kelas bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid pemulihan.

Hal ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Norazizah dan Khairul Farhah (2022). Guru haruslah bijak memilih bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap dan kebolehan murid serta mampu untuk menarik minat murid untuk mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas. Kesannya, tahap kefahaman dan penguasaan murid pemulihan di dalam kelas dapat ditingkatkan.

Berpandukan pembacaan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa didik hibur merupakan kaedah pengajaran yang dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Intan Nur Syuhada dan Zamri Mahamod (2021), penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian mampu membantu murid untuk mahir membaca. Guru tidak seharusnya menggunakan medium modul bahan bantu mengajar yang dibekalkan KPM semata-mata. Sebaliknya, guru haruslah bijak mengintegrasikan elemen digital dan multimedia dalam menghasilkan bahan bantu mengajar murid Pemulihan Khas. Pengaplikasian multimedia dan teknologi dalam penghasilan bahan bantu mengajar adalah sejajar dengan hasrat KPM yang sangat memberi penekanan terhadap program pemerksaan guru bagi menghasilkan guru yang berdaya saing, berketerampilan, menguasai penggunaan teknologi terkini, bersikap professional, serta memiliki pemikiran yang kritis dan kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Kesimpulannya, guru merupakan mekanisme utama bagi mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas. Guru perlu meningkatkan kualiti dan kemahiran pedagogi mereka, serta memantapkan diri dengan kepelbagaian kaedah pengajaran. Guru perlu bijak dalam merancang kaedah serta aktiviti pengajaran dan memilih bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan aras dan kebolehan murid pemulihan. Guru seharusnya mengaplikasikan kaedah Pengajaran Abad ke-21 yang berpusatkan kepada murid serta pembelajaran aktif supaya tahap penguasaan kemahiran membaca serta kesediaan belajar murid Pemulihan Khas dapat ditingkatkan.

Didik Hibur Dalam PdP Kemahiran Membaca

Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan para guru mengintegrasikan didik hibur dalam proses PdP sejak pelaksanaan KSSR pada tahun 2011. Kaedah pengajaran didik hibur merupakan satu kaedah pengajaran eksplisit bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan melalui penerapan elemen kecedaan, menarik minat murid, meningkatkan kesediaan belajar murid, serta membantu murid tahap satu serta murid Pemulihan Khas dalam menguasai kemahiran asas dalam pelajaran. Selain daripada itu, elemen didik hibur dapat mengurangkan tekanan serta ketakutan yang dihadapi oleh murid semasa proses PdP berlangsung.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, kesemua sampel kajian menerapkan kaedah didik hibur bagi meningkatkan kesediaan belajar murid Pemulihan Khas untuk mengikuti sesi PdP kemahiran membaca di dalam kelas. Selain itu, berdasarkan pembacaan lepas, pengkaji mendapati bahawa kaedah didik hibur merupakan antara kaedah pengajaran yang berkesan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas.

Didik hibur diperkenalkan sebagai satu kaedah alternatif dalam PdP Bahasa Melayu, dengan menekankan elemen permainan, nyanyian, lakonan, dan aktiviti kreatif untuk menarik minat serta meningkatkan penglibatan murid. Pendekatan ini juga selaras dengan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan potensi murid secara holistik.

Siti Aishah dan Wan Muna (2022) menyatakan bahawa didik hibur diaplikasikan dalam kemahiran membaca melalui penggunaan pelbagai elemen yang memerlukan kreativiti dan interaksi antara guru dan murid. Pendekatan ini melibatkan penggunaan suara bunyi, video animasi, gambar animasi, dan teks bacaan untuk menjadikan aktiviti membaca lebih menarik. Guru perlu memiliki kemahiran dan kreativiti untuk mengintegrasikan elemen didik hibur sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman murid.

Suasana pembelajaran di dalam kelas akan menjadi lebih menyeronokkan, merangsang minat murid untuk membaca, sekali gus meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid terhadap bahan bacaan. Ramnath et al. (2019) menyatakan bahawa didik hibur diaplikasikan dalam pengajaran membaca dengan menggunakan strategi yang menggabungkan elemen hiburan dan pendidikan. Kaedah didik hibur berfungsi untuk meningkatkan pemahaman membaca di kalangan murid dengan mengaktifkan pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

Dapatan yang diperoleh melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh Melvina dan Nurazah (2021) menyatakan bahawa didik hibur merupakan aktiviti yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan yang menyebabkan murid Pemulihan Khas berasa gembira dan seronok melaksanakan aktiviti dipelajari hasil daripada penggabungan pendidikan dengan aspek hiburan serta pelbagai jenis media seperti bunyi, animasi, video, teks, dan imej.

Penerapan didik hibur merupakan salah satu platform pendidikan yang dapat meningkatkan kesediaan belajar murid Pemulihan Khas. Kesediaan murid Pemulihan Khas menerima pelajaran adalah penting untuk memastikan murid Pemulihan Khas sentiasa berminat dan bermotivasi untuk belajar. Berdasarkan kepada pembacaan daripada kajian yang lepas, murid Pemulihan Khas memiliki tahap kesediaan belajar yang rendah. Oleh sebab itu, didik hibur merupakan alternatif yang paling efektif dalam meningkatkan kesediaan belajar murid Pemulihan Khas yang masih rendah (Norleela & Shamsudin, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian kualitatif merupakan pendekatan untuk meneroka serta memahami makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan ke atas sesuatu isu sosial (Creswell & Creswell, 2023). Kajian kualitatif ialah satu kajian yang sesuai diaplikasikan untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh dan mendalam berkaitan sesuatu fenomena, corak, dan maksud akan sesuatu tingkah laku manusia dalam persekitaran sosial mereka (Nur Khaleeda, 2024).

Pendekatan kajian kes dapat membantu pengkaji menjawab objektif utama kajian iaitu meneroka amalan pengajaran kemahiran membaca berasaskan didik hibur berdasarkan perkongsian maklumat oleh sampel kajian. Rubin dan Babbie (2024) menyatakan bahawa pendekatan kajian kes sangat bersesuaian dengan kajian yang berfokuskan kepada kefahaman yang mendalam berkaitan sesuatu kes yang dikaji. Pengkaji memilih kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes kerana pengkaji dapat memperoleh maklumat berkaitan kaedah pengajaran didik hibur dalam kemahiran membaca yang telah dilaksanakan oleh guru Pemulihan Khas secara saintifik dan lebih mendalam lagi.

Sampel Kajian

Patton (2015) dalam kajian beliau menyatakan bahawa kajian kualitatif merupakan kajian yang dilaksanakan secara mendalam dan terperinci serta melibatkan bilangan sampel yang agak kecil kerana dipilih untuk tujuan yang cukup spesifik. Yakni, sampel kajian yang terdiri daripada empat orang guru Pemulihan Khas yang berkhidmat di sekolah di negeri Perlis.

Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan digunakan supaya sampel memenuhi kriteria yang telah ditetapkan agar pengkaji dapat memperoleh maklumat yang mendalam dan terperinci berkaitan amalan pengajaran dan kaedah pengajaran yang sesuai dan khusus, sekali gus dapat menjawab persoalan kajian. Berdasarkan Merriam (2009), pengkaji perlu menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih sampel yang paling sesuai dengan kajiannya. Daripada sudut pemilihan sampel kajian, ia terdiri daripada empat orang guru Pemulihan Khas yang dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan, mempunyai pengalaman menjadi guru Pemulihan Khas sekurang-kurangnya lapan tahun dan ke atas, serta merupakan guru yang terlibat dengan aktif dalam bidang Pemulihan Khas di peringkat negeri.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temu bual. Protokol temu bual digunakan untuk mendapatkan data yang mendalam dan terperinci secara bersemuka dan informal. Bagi melihat kesahan muka dan kandungan protokol temu bual, 3 orang pakar telah dilantik untuk menilai dan menyemak soalan protokol temu bual yang diadaptasi daripada pengkaji lepas. Ketiga-tiga pakar tersebut mempunyai kepakaran di dalam bidang masing-masing iaitu 2 orang pakar dalam bidang bahasa Melayu dan seorang pakar dalam bidang penyelidikan kualitatif.

Kaedah Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Temu bual merupakan kaedah pengumpulan data dua hala untuk mengumpul maklumat. Kaedah temu bual dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman audio dan video, serta penggunaan bahan multimedia yang lain. Denzin (2001) menyatakan bahawa temu bual bukan hanya sekadar untuk mengumpul data, bahkan ia bersifat reflektif iaitu menggambarkan realiti sebenar kehidupan dan sesuatu fenomena.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual mendalam separa struktur untuk mengumpulkan data bagi menjawab persoalan kajian. Format kaedah temu bual berstruktur terletak di antara temu bual berstruktur

dan temu bual tidak berstruktur. Kaedah pengumpulan data ini bersifat lebih fleksibel kerana pengkaji diberikan kebebasan untuk mengemukakan soalan tambahan atau susulan berdasarkan respons yang diberikan oleh sampel kajian. Kebebasan soalan temu bual yang ditanya membolehkan pengkaji memperoleh maklumat secara mendalam dan meluas, khususnya dalam memahami perspektif serta pengalaman sebenar sampel kajian serta meningkatkan ketelitian serta keutuhan data yang diperoleh. Temu bual telah dijalankan secara bersemuka dan individu supaya jawapan dan pandangan mereka tidak dipengaruhi oleh guru yang lain.

Data temu bual bagi setiap sampel telah melalui proses transkripsi. Setelah data di semak, pengkaji terus mendapatkan tema-tema penting daripada data yang diperoleh. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai kepada tahap ketepatan data. Bagi meningkatkan kecekapan pengkaji dalam menguruskan serta menganalisis data secara sistematik, perisian ATLAS.ti 8 digunakan.

Semasa proses menganalisis data menggunakan perisian ATLAS.ti dilaksanakan, transkrip temu bual yang diperoleh akan dimasukkan ke dalam aplikasi sebagai dokumen utama dan seterusnya dibaca secara keseluruhan bagi mengenal pasti petikan bermakna yang berkaitan dengan objektif kajian. Seterusnya, petikan akan dikod menggunakan label yang mewakili konsep pelaksanaan aktiviti didik hibur dalam kemahiran membaca serta cabaran yang ditempuh oleh guru dalam melaksanakannya. Kod-kod yang wujud akan dianalisis secara terperinci bagi membentuk tema atau kategori yang lebih meluas.

Namun demikian, sebelum proses analisis dilakukan, semua hasil transkripsi akan disemak terlebih dahulu oleh sampel kajian melalui kaedah *member checking* iaitu dengan cara meminta sampel menyemak semula dapatan data yang telah direkodkan serta mendapatkan persetujuan sampel berkaitan dapatan transkripsi yang terhasil. Tema penting tentang kaedah pengajaran kemahiran membaca serta cabaran yang telah ditempuh oleh guru Pemulihan Khas telah dikenal pasti.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil temu bual separa struktur yang telah dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa kesemua sampel kajian melaksanakan kaedah pengajaran didik hibur semasa mengajar kemahiran membaca. Pendekatan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk menarik minat murid Pemulihan Khas supaya seronok untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca. Hal ini sinonim dengan diri murid Pemulihan Khas yang memiliki kesediaan belajar yang rendah.

Murid Pemulihan Khas memiliki tahap kesediaan belajar yang rendah dalam kemahiran membaca disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kelemahan dalam kemahiran asas membaca, kurang pendedahan kepada bahan bacaan, serta pengalaman daripada pembelajaran terdahulu yang bersifat pasif serta membosankan. Kesediaan belajar yang rendah turut berpunca daripada diri murid sendiri iaitu mempunyai tahap keyakinan diri yang lemah, takut mencuba perkara baharu, motivasi intrinsik yang lemah, serta kebimbangan terhadap kegagalan dalam pembelajaran. Kesannya, murid menjadi kurang fokus, cepat bosan, serta mudah hilang minat terhadap proses pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, pengkaji turut mendapati bahawa kebanyakan murid Pemulihan Khas jarang hadir ke sekolah disebabkan oleh faktor diri sendiri seperti malas dan tidak berminat untuk belajar serta faktor keluarga seperti desakan ekonomi serta ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pendidikan anak yang menjerumus anak ke lembah keciciran.

Jadual 1.

Kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Pemulihan Khas

Bil.	Keratan temu bual	Kod (Kaedah pengajaran kemahiran membaca)	Tema
1.	<i>Murid pemulihan ni xberapa minat sangat nak belajar. Jadi, kami cikgu-cikgu ni kena berusaha untuk wujud suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Barulah murid semangat nak belajar.</i>	Kaedah pembelajaran yang menyeronokkan	

- | | | | |
|----|--|--|-------------|
| 2. | Murid pemulihan suka belajar melalui permainan. Cikgu akan cipta permainan berasaskan kemahiran membaca yang mudah dan murid seronok buat. | Kaedah pembelajaran yang berasaskan permainan | |
| 3. | Saya akan selarikan PdP sesuai dengan kemampuan murid dan yang paling penting lagi, aktiviti dalam kelas dapat buat murid seronok. Lagi la mudah saya nak mengajar. | Kaedah pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan murid serta menyeronokkan | Didik hibur |
| 4. | Saya akan selitkan elemen kecindan semasa saya mengajar kemahiran membaca dekat murid. Murid pemulihan ni di istimewa sikit. Cikgu kena buat lawak nak bagi murid tak berasa tertekan dan takut dengan cikgu. Murid akan selesa belajar dengan guru. Tapi dalam masa yang sama, cikgu kena tingkatan kawalan kelas supaya murid tidak melampaui batas bila mereka dah berasa sangat selesa dengan cikgu. | Kaedah pengajaran yang mengandungi unsur kecindan | |

Jadual 2.

Aktiviti Didik Hibur yang Dilaksanakan oleh Guru Pemulihan Khas Semasa PdP Kemahiran Membaca

Bil.	Keratan temu bual	Kod (Aktiviti didik hibur)
1.	Saya akan pasang video yang ada lirik lagu yang saya buat khas untuk murid saya. Murid akan menyanyi berdasarkan lirik lagu yang saya buat. Mereka teruja nak buat menyanyi sebab dapat tengok video yang ada gambar kartun kesukaan mereka.	Nyanyian
2.	Murid sangat seronok kalau buat aktiviti seperti bermain. Murid yang pasif pun jadi aktif. Murid akan berusaha bersungguh nak pastikan menang dalam permainan yang dilaksanakan. Murid akan berusaha juga untuk membaca perkataan yang cikgu bagi semata - mata nak menang walaupun mereka mengalami kesukaran untuk membaca.	Permainan
3.	Saya bina buku cerita digital khas untuk murid saya. Perkataan dalam buku cerita tu ikut aras daripada mudah ke sukar. Seronok murid - murid baca. Saya jadikan sebagai insentif kepada murid. Sapa yang siapkan tugas dapat baca buku digital. Berlumba-lumba la mereka.	Pembacaan buku cerita digital
4.	Murid saya suka berlakon. Jadi saya buat pertandingan lakonan. Skrip saya minta mereka reka sendiri dan tunjuk kat saya. Memang sangat berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca murid saya. Mereka akan usaha juga untuk tulis skrip walaupun terpaksa tanya orang merata macam mana nak tulis semata- mata nak berlakon dalam kelas nak bagi menang dapat hadiah.	Lakonan

Jadual 3.

Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pemulihan Khas Dalam Melaksanakan Kaedah Didik Hibur Dalam PdP Kemahiran Membaca

Bil.	Keratan temu bual	(Kod) Cabaran melaksanakan didik hibur
1.	Masalah utama saya hadapi dengan murid saya adalah kehadiran. Murid tak minat nak datang sekolah. Bila tak datang, susahla cikgu nak mengajar. Lepastu tak heranlah kalau masih tak boleh nak baca lagi.	Kehadiran murid
2.	Murid tak minat nak belajar. Mereka boleh fokus sekejap saja lepastu mula la ganggu kawan- kawan. Cikgu nak mengajar pun susah.	Kesediaan belajar rendah

- | | |
|---|--|
| <p>3. Murid tak faham aktiviti yang saya buat. Memang ambil masa nak terang bagi mereka faham. Bila mereka faham barulah mereka seronok nak buat aktiviti.</p> <p>4. Didik hiburan ni memang bagus nak bagi murid seronok belajar tapi ambil masa juga nak laksanakan. Perlu perancangan serta persediaan yang teliti. Tapi sebabkan oleh banyak tugas yang nak kena selesaikan jadi saya tak sempat nak laksanakan di dalam kelas.</p> | <p>Murid tidak faham aktiviti didik hiburan yang dilaksanakan</p> <p>Kekangan masa</p> |
|---|--|

Menyedari cabaran yang dihadapi ini, guru Pemulihan Khas menggunakan pendekatan pembelajaran yang inovatif serta menyeronokkan bagi meningkatkan kesediaan belajar murid. Pembelajaran menyeronokkan yang diubah suai sejajar dengan aras murid serta perkembangan teknologi terkini dapat membantu murid membina persepsi positif terhadap proses PdP kemahiran membaca, sekali gus meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid. Maka, keperluan murid yang sejajar dengan isi kandungan pembelajaran dapat dipenuhi. Guru mengintegrasikan elemen didik hiburan bertujuan untuk menarik minat murid Pemulihan Khas mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca, sekali gus meningkatkan tahap penguasaan membaca murid.

Berpanduan hasil temu bual yang dilaksanakan, guru Pemulihan Khas menyatakan bahawa melalui pengalaman belajar yang menyeronokkan dan bermakna, ia dapat menarik minat murid untuk datang ke sekolah. Murid Pemulihan Khas menunjukkan peningkatan daripada aspek tumpuan, penglibatan, serta kesediaan untuk mencuba tugas yang melibatkan bacaan secara aktif. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah permainan interaktif, pertandingan sukaneka yang diubah suai, kad imbasan digital, perpustakaan maya, dam ular digital, serta aktiviti nyanyian serta lakonan menggunakan *Augmented Reality Viewer* (AVR). Dalam konteks pengajaran kemahiran membaca, peranti AVR boleh digunakan untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan, konkrit, serta bermakna. Murid dapat melihat huruf-huruf terapung, objek 3D berkaitan bunyi huruf, serta penceritaan interaktif yang berlaku di hadapan mata dalam bentuk maya. Murid dapat memvisualisasikan konsep yang abstrak serta meningkatkan tumpuan dan minat belajar murid Pemulihan Khas. Selain itu, pendekatan ini secara tidak langsung membantu para guru dalam mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif, sekali gus memperkukuhkan asas pembelajaran murid untuk fasa pembacaan yang lebih kompleks.

PERBINCANGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) menyarankan para guru bagi mengaplikasikan didik hiburan semasa proses PdP berlangsung. Antara aktiviti didik hiburan yang boleh dilaksanakan semasa proses PdP ialah aktiviti nyanyian, penceritaan, permainan, lakonan dan berpantun. Kaedah pengajaran didik hiburan dalam kemahiran membaca menekankan elemen pembelajaran yang bercorak menarik dan interaktif, bertujuan untuk meningkatkan motivasi serta tahap kefahaman murid Pemulihan Khas. Kaedah pengajaran ini menggabungkan pelbagai aktiviti yang menarik serta menyeronokkan semasa proses pembelajaran berlangsung, sekali gus menjadikan pengalaman membaca murid lebih menyeronokkan serta berkesan.

Pengintegrasian elemen didik hiburan sangat penting dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas yang menghadapi kesukaran dalam aspek penguasaan asas membaca. Mereka memerlukan pendekatan pembelajaran yang bersifat lebih menarik, menyeronokkan, tidak merasa tertekan, serta mesra pembelajaran. Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah dijelaskan di atas, jelas menunjukkan bahawa murid lebih terdorong untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses PdP kemahiran membaca di dalam kelas tanpa berasa tertekan atau terbeban.

Kaedah pengajaran didik hiburan merupakan satu platform bagi meningkatkan kesediaan belajar murid Pemulihan Khas yang memiliki kesediaan belajar yang rendah (Melvina & Norazah, 2021; Norlela & Shamsudin, 2020). Berdasarkan dapatan temu bual yang telah dilaksanakan, kaedah pengajaran didik hiburan mampu menarik minat murid untuk mengikuti sesi PdP kemahiran membaca di dalam kelas. Murid Pemulihan Khas teruja serta bersemangat untuk melaksanakan sesi pembelajaran. Elemen keseronokan semasa belajar sangat penting kepada murid supaya tidak membebaskan mereka serta dapat menarik minat untuk terus mempelajari kemahiran membaca (Norlela & Shamsudin, 2020). Keadaan ini sangat mempengaruhi motivasi belajar murid. Motivasi intrinsik yang

tinggi merupakan pemangkin kepada perkembangan kemahiran membaca secara berkesan dalam kalangan murid Pemulihan Khas.

Selain itu, aktiviti interaktif berasaskan permainan, lakonan, serta nyanyian yang telah dilaksanakan oleh guru Pemulihan Khas dapat membantu meningkatkan tumpuan serta penglibatan murid di dalam kelas. Murid dapat berinteraksi secara aktif dengan bahan bacaan serta rakan sebaya, sekali gus mengukuhkan proses pemprosesan maklumat, mempercepatkan pengenalan huruf dan suku kata, serta membina kefahaman terhadap teks yang dibaca.

Persekitaran pembelajaran yang bersifat multisensori dapat diwujudkan selaras dengan keperluan murid Pemulihan Khas yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Aktiviti lakonan, permainan, serta nyanyian yang dilaksanakan dapat memberi rangsangan visual, auditori, serta kinestetik yang dapat membantu memperkukuhkan ingatan jangka masa panjang terhadap kemahiran membaca yang telah diajar oleh guru.

Norlela dan Shamsudin (2020) menyatakan bahawa murid Pemulihan Khas takut mencuba sesuatu yang baharu kerana takut melakukan kesalahan serta diktawakan oleh rakan-rakan. Oleh itu, melalui pelaksanaan didik hibur, guru dapat mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif serta positif dan mesra murid. Hal ini dapat mengurangkan perasaan rendah diri dan kebimbangan dalam kalangan murid pemulihan. Apabila murid berasa selesa dan yakin dengan kemampuan serta kebolehan diri mereka, mereka lebih berani untuk mencuba, bertanya, serta melibatkan aktiviti dalam PdP di kelas, sekali gus dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid.

Meskipun aktiviti didik hibur dalam pembelajaran kemahiran membaca memberi pelbagai impak positif kepada murid Pemulihan Khas, masih terdapat beberapa cabaran yang terpaksa ditempuh oleh guru dalam melaksanakan aktiviti didik hibur. Antara cabaran yang terpaksa ditempuh ialah diri murid Pemulihan Khas sendiri. Sikap murid yang hadir secara tidak konsisten ke sekolah menjejaskan kesinambungan pembelajaran serta mengurangkan impak keberkesanan pelaksanaan aktiviti didik hibur yang memerlukan pendedahan serta pelaksanaan secara berterusan bagi membina kemahiran membaca secara berperingkat.

Selain daripada itu, murid tidak berminat melaksanakan aktiviti didik hibur pada peringkat permulaan disebabkan kegagalan memahami aktiviti didik hibur yang dilaksanakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa elemen keseronokan semata-mata tanpa kefahaman terhadap aktiviti yang dilaksanakan masih tidak mencukupi untuk memacu penglibatan aktif murid. Selain itu, faktor dalaman seperti ketidakupayaan membaca, sejarah kegagalan akademik, serta perasaan rendah diri berkemungkinan lebih dominan dalam mempengaruhi sikap murid berbanding faktor luaran seperti reka bentuk aktiviti.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk memahami objektif dan prosedur aktiviti didik hibur yang dijalankan. Jurang ketara yang wujud dalam kemahiran praliterasi dan kognitif murid membataskan keupayaan mereka untuk mentafsir arahan, memproses maklumat, serta melaksanakan tugas secara bermakna. Oleh itu, guru perlu membuat pengubahsuaian terhadap aktiviti didik hibur yang dilaksanakan supaya bersifat lebih konkrit, berpandu, serta berfasa dan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca.

Aspek pengurusan masa turut menjadi cabaran signifikan dalam pelaksanaan didik hibur. Pelaksanaan aktiviti didik hibur memerlukan guru melaksanakan penerangan secara berulang, pemantauan rapi, serta menyesuaikan aras pembelajaran mengikut kadar kebolehan serta keupayaan murid yang memerlukan tempoh pelaksanaan yang lebih panjang berbanding kaedah konvensional. Oleh itu, kepakaran guru dalam pengurusan bilik darjah yang fleksibel, perancangan yang terperinci, serta penggunaan sumber yang optimum diperlukan bagi mengatasi permasalahan yang timbul.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa meskipun aktiviti didik hibur mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas, masih terdapat cabaran yang terpaksa ditempuh oleh para guru dalam melaksanakannya. Kefahaman mendalam terhadap keperluan, latar belakang, dan kapasiti sebenar murid merupakan elemen utama yang perlu dititikberatkan. Justeru, adaptasi berterusan, intervensi berfokus, dan pendekatan diferensiasi menjadi keperluan asas dalam memastikan strategi didik hibur dapat mencapai objektif pembelajaran yang disasarkan.

KESIMPULAN

Pengaplikasian elemen didik hibur dalam kemahiran membaca ternyata memberi impak yang positif terhadap penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas. Pengintegrasian didik hibur mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan melalui pelbagai aktiviti interaktif, meningkatkan penglibatan aktif murid semasa proses PdP kemahiran membaca, serta dapat meningkatkan kesediaan belajar murid Pemulihan Khas. Meskipun guru Pemulihan Khas menghadapi cabaran dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran didik hibur, guru Pemulihan Khas tetap berusaha mengatasi permasalahan tersebut disebabkan oleh impak didik hibur dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid. Amalan pengajaran yang diperoleh daripada kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru Pemulihan Khas serta guru bahasa Melayu dalam melaksanakan proses PdP kemahiran membaca yang lebih efektif serta menyeronokkan. Ini sekali gus dapat mengurangkan kadar keciciran dalam bidang pendidikan. Aktiviti didik hibur bukan sahaja berfungsi sebagai kaedah pengajaran semata-mata, sebaliknya juga sebagai agen transformasi dalam meningkatkan pencapaian literasi murid Pemulihan Khas.

RUJUKAN

- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE.
- Hazrati Yahaya, Hanis Najwa Shahrudin, Fudzla Suraiyya Abdul Raup, Nur Zahidah Ahmad, & Muhammad Hatta Shafri. (2022). Persepsi pelajar terhadap pemanfaatan gamifikasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*.
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod, (2021). Strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 11(2), 54-67.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Standard kurikulum seni bahasa dalam kurikulum standard sekolah rendah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Melvina Chung Hui Ching & Nurazah Mohd Nordin. (2021). Penilaian terhadap permainan interaktif didik hibur dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research* (4th ed.). John Wiley & Sons.
- Norazizah Mohamed Norok & Khairul Farhah Kamarudin. (2022). Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan kaedah bermain sambil belajar bagi murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*.
- Norhafidah Hanapiah & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2023). Cabaran pelaksanaan didik hibur oleh guru bagi pengajaran simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. *LSP International Journal*, 10(2), 61-78.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 6(2), 1-11.
- Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Marzni Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi, & Zullaili Hason. (2021). Pengaruh didik hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca bahasa melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilization Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57.
- Norleena Gutasan, Rojiah Saiwah Karim, Zoriffah Mohd Kudin, Nor Jannah Hassan. (2021). Kit LEXSSA meningkatkan kemahiran bacaan murid bermasalah pembelajaran. *Journal of Modern Education*, 3(8), 149-166.
- Nur Khaleeda Mohd Kamil (n.d.). *Meneroka makna, kemahiran dan faktor kehidupan berdikari bagi orang kurang upaya intelektual di Malaysia* (Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). SAGE.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru Pemulihan Khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001445. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1445>.

- Ramnath, R., Kalaiyarasan, G., Sasikumar, N., Mahendraprabu, M., & Govindaraja, K. (2019). Edutainment strategies in enhancing reading comprehension among undergraduate students. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8(4). <https://doi.org/10.35940/ijrte.D7742.118419>
- Reza Rasfan Hamzah & Aznan Che Ahmad. (2022). Kesan penggunaan Myscore Pemulihan terhadap penguasaan dan minat murid Pemulihan Khas untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu. *Journal of Human Development and Communication*, 11, 2022, 117-128.
- Roslan Chin & Nurahimah Mohd Yusoff. (2017, April 4–5). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan khas. In *Proceedings of the International Conference on the Scholarship of Teaching and Learning (ICSoTL 2017)*. Universiti Utara Malaysia.
- Rubin, A., & Babbie, E. R. (2024). *Research methods for social work* (10th ed.). Cengage Learning.
- Siti Aishah Sembai Aban Abdullah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 349-362. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpdp/article/view/18129>.
- Siti Rohana Salleh. (2021). Pembangunan modul MY KAPS berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan sosioemosi kanak –kanak prasekolah (Tesis ijazah doktor falsafah tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shuhaila Ab. Jawas, & Hafizah Zulkifli. (2022). Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 19. <https://nunjournal.com/index.php/qalam/article/view/50/49>.